

Lelaki salah guna dadah didenda, diawasi dua tahun

MIRI: Seorang lelaki didenda RM1,800 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, kelmarin setelah mengaku bersalah atas tuduhan menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Tertuduh, Tiong Ting Hui, 24, dari Jalan Riam Lembah Hijau di sini, turut diperintahkan supaya menjalani pengawasan oleh pihak polis selama tempoh dua tahun.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah menggunakan dadah berbahaya jenis Methamphetamine dan Amphetamine yang

terkandung di dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 3 petang, 20 Februari 2020 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Sandy Yvette Freddy manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.